

Usah pertikai calon: PM

Oleh Lichong Angkui, Saodi Mat
Atar dan Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin dan ahli Umno tidak harus membangkitkan soal siapa calon pilihan raya kerana senarai calon ditetapkan oleh parti.

Menurut Perdana Menteri, Majlis Tertinggi (MT) Umno sudah memutuskan untuk mengangkat proses biasa dalam pemilihan calon, berdasarkan cadangan daripada peringkat bahagian dan perhubungan negeri.

"Apabila kita tentukan siapa menjadi calon, semua pihak perlu merapatkan balik barisan untuk sokong calon Barisan (Nasional). Soal siapa calon tidak harus dibangkitkan selepas ini," katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT parti hampir tiga jam di Ibu Pejabat Umno, di sini, semalam.

Mesyuarat itu bermula jam 9.20 pagi dan dihadiri Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta tiga Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Datuk Mohd Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Setiausaha Agung, Datuk Mohamed Rahmat; Ketua Penerangan, Datuk Hussein Ahmad; Pemangku Ketua Pemuda, Senator Datuk Mohd Nazri Aziz; dan Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz hadir sama.

Mesyuarat itu juga merumuskan

persiapan terakhir menghadapi pilihan raya umum, termasuk mengarahkan semua bahagian mengemukakan nama calon untuk dipertimbangkan oleh pucuk pimpinan parti.

Dr Mahathir berkata, langkah mengemaskinikan persiapan itu dibuat kerana Pilihan Raya Umum kemungkinan diadakan pada bila-bila masa.

Bagaimanapun, beliau tidak membayangkan bila pilihan raya akan diadakan, tetapi berkata ia mesti diadakan tidak lama lagi kerana penggal pemerintahan sekarang akan berakhir

Oktober depan.

"Mesyuarat membincangkan dengan panjang lebar mengenai pilihan raya dan kita berpendapat selesai membuat persiapan terakhir.

"Tapi saya tidak dapat memberitahu bila pilihan raya akan diadakan. Namun saya dapat menentukan pilihan raya diadakan tahun ini...hanya tarikh saja belum dapat ilham lagi," katanya.

Ditanya apakah 'ada tempoh tertentu ditetapkan bagi setiap bahagian mengemukakan nama calon, Dr

Mahathir berkata: "Kita tidak tetapkan tempoh kerana kita tak tahu bilakah pilihan raya."

Mengenai andaian bahawa pilihan raya tidak mungkin diadakan sehingga selepas Hari Raya Puasa, beliau berkata dalam negara demokrasi siapa pun boleh membuat perhitungan sendiri.

Perdana Menteri yakin Barisan Nasional (BN) mencatat kemenangan cemerlang pada Pilihan Raya Umum akan datang, melainkan ada sesuatu tragedi yang tidak disangka berlaku.

Malah, katanya, BN berkeyakinan menguasai semula Kelantan daripada pembangkang dan "saya tidak nampak ada masalah (bagi BN) di Terengganu."

Beliau juga berpendapat Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, tidak mungkin mencapai impian di Pulau Pinang menerusi projek Dap yang dikenali sebagai Tanjung III.

"Dia (Kit Siang) akan ada Tanjung Empat, Lima, Enam, Tujuh,

●● LIHAT MUKA 2

Usah pertikai calon: PM

●● DARI MUKA 1

Lapan... selagi dia hidup, dia akan ada nombor ini. Ini rancangannya dan kita ucapkan *good luck* kepadanya.

"Dia akan berkata saya

(Kit Siang) nak berhenti... lepas kalah dia berhenti sekejap tapi kemudian masuk semula konon orang dan penyokong panggil dia. Ini saya dah

nampak... Kit Siang akan umum akan letak jawatan, tapi kemudian akan mendakwa penyokong nak dia balik...dan dia akan kembali aktif," katanya.